


KEADAAN kereta lelaki yang cuba membunuh diri di Kampung Bukit Tempurung, Jempol.



# LARI KELUAR TAK TAHAN PANAS

*Lelaki mahu bunuh diri tukar fikiran selepas bakar kereta*

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
am@hmetro.com.my

**Jempol**

**M**ahu cuba membunuh diri namun terpaksa membatalkan hajat selepas tidak tahan kesakitan akibat melecur terbakar.

Kejadian itu dikatakan berlaku jam 7 malam kelmarin apabila mangsa lelaki berusia 33 tahun cuba membunuh diri dengan membakar keretanya di dalam kebun getah di Kampung Bukit Tempurung di sini.

Bagaimanapun disebabkan tidak tahan panas ter-

*metro Ahad 31/7/2022 (page 2)*

bakar, mangsa berlari keluar daripada dalam kereta bagi meminta bantuan.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintendan Hoo Chang Hook berkata, mangsa ditemui orang ramai di tepi jalan pada jam 8.30 pagi semalam dalam keadaan tidak berpakaian selain terdapat kesan melecur pada bahagian badan.

"Mangsa kemudian dihantar ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) dengan ambulans.

"Ketika itu, mangsa mendakwa disamun dua lelaki yang tidak dikenali menggunakan motosikal ketika berada di kawasan Juasseh, Kuala Pilah," katanya.



**Mangsa mendakwa disamun dua lelaki yang tidak dikenali menggunakan motosikal ketika berada di kawasan Juasseh, Kuala Pilah"**

**Hoo Chang Hook**

Hoo berkata, ketika siasatan lanjut polis, mangsa mengaku dakwaan kejadian samun itu adalah tidak benar.

Katanya, mangsa memba-

kar sendiri keretanya dengan memasukkan kertas surat khabar ke dalam lubang tangki minyak dan kemudian membakar kertas itu dengan pemetik api.

"Tujuan mangsa berbuat demikian kerana tidak mahu masalah yang dialami diketahui ahli keluarganya.

"Justeru itu, pihak polis ingin menyeru kepada semua pihak untuk tidak membuat sebarang spekulasi dan menularkan video serta gambar yang telah tersebar di media sosial berkaitan kejadian ini.

"Polis masih menjalankan siasatan mengikut Seksyen 309 dan Seksyen 435 Kanun Keseksaan," katanya.